

PELUANG KERJAYA DI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2008, mempelawa semua warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan di Suruhanjaya seperti berikut:

- Jawatan : Pemandu Kenderaan
- Gred Jawatan : H11
- Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran
- Jadual Gaji : RM1,218.00 – RM2,939.00
- Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - (ii) Lesen memandu Kelas D/ E/ E1/ E2/ F/ G/ H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - (iii) Berkebolehan memandu, mengenali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
- Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:
- | | |
|-----------------|------------|
| Lesen D | RM1,264.15 |
| Lesen E/ E1/ E2 | RM1,310.30 |
| Lesen F/ H | RM1,356.45 |
| Lesen G/ I | RM1,402.60 |
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Taraf Jawatan : TETAP/KONTRAK
- Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas atau lori.
- Tarikh Tutup Permohonan : **10 MEI 2024**